NO. SOALAN: 56

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2015)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]

TARIKH : 6 APRIL 2015

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status kes jenayah syariah qazaf yang diadukan oleh YB Datuk Seri Anwar Ibrahim memandangkan perbicaraan fitnah liwat siri ke 2 di Mahkamah Persekutuan telah selesai.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana penjelasan saya di Dewan Yang Mulia ini pada beberapa persidangan yang lalu, bahawa kes qazaf tersebut yang diadukan pada 9 Julai 2008 telahpun diambil tindakan oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Setelah meneliti hasil

siasatan tersebut dan peruntukan seksyen 41, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 *[Akta 559]* dan juga tafsiran di bawah subseksyen 2 (1), Akta 559, **Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan** atas kuasa yang diberikan dibawah peruntukan subseksyen 58 (2), Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 *[Akta 505]* dan seksyen 181, Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 *[Akta 560]* (Pindaan 2005) [*Akta A1252]* telahpun membuat keputusan dan ketetapan pada 19 Januari 2011 adalah tidak bercadang untuk membuat pendakwaan dan seterusnya kertas siasatan ini ditutup.

Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan telah membuat ketetapan dan keputusan tersebut atas pertimbangan dan alasan berikut:-

i- Seksyen 41, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 *[Akta 559]* hanya terpakai terhadap mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan ***zina*** tanpa mengemukakan, mengikut Hukum Syarak, empat orang saksi lelaki atau iqrar orang yang dituduh.

ii- Berdasarkan tafsiran dalam subseksyen 2 (1), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 *[Akta 559]* adalah jelas bahawa perundangan di negara ini telah memilih untuk mengkanunkan pendapat yang mengatakan zina itu bukan liwat. Subseksyen 2 (1), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 *[Akta 559]* dengan jelas memperuntukkan:

" ***zina*** " ertinya persetubuhan antara lelaki dengan perempuan tanpa nikah.

"***liwat***" ertinya perhubungan seks sesama lelaki

Berdasarkan peruntukan-peruntukan tersebut, bahawa tuduhan qazaf tidak boleh dikenakan terhadap mana-mana orang yang menuduh seseorang melakukan liwat dibawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 *[Akta 559]*

Sekian, terima kasih.